

R GB 15-08 00193 BH429

bah

Mahathir - Vokasional

KERAJAAN KURANGKAN PENEKANAN TERHADAP PELAJARAN AKADEMIK, KATA PM

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan mengurangkan penekanan terhadap pelajaran akademik dan sebaliknya memberikan penumpuan kepada pelajaran vokasional dan teknik bagi menghasilkan bakal pekerja dan pengusaha yang berkemahiran, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini akan membolehkan negara menuju satu era baru bagi mewujudkan keadaan di mana rakyat Malaysia yang bekerja di kilang-kilang akan mempunyai pendapatan lebih tinggi dan lumayan daripada mereka yang bekerja di pejabat," katanya ketika berucap di majlis penyampaian Anugerah Tangan Emas Johan Kemahiran Malaysia di Maktab Perquruan Teknik, Cheras di sini petang ini.

Dalam hubungan itu, Perdana Menteri menyeru pengusaha yang memerlukan pekerja mahir supaya membantu kerajaan membina lebih banyak pusat latihan bagi melahirkan lebih ramai pekerja mahir yang mereka perlukan.

Beliau berkata negara kini memerlukan golongan pekerja yang benar-benar mahir dan mempunyai kecekapan tinggi di bidang-bidang bertamaddun baru dan lebih canggih.

Katanya: "Meskipun segala bidang itu bukan milik asli kita, saya yakin semua kecekapan dan pengetahuan berkaitan boleh dikuasai sekiranya kita memberikan komitmen sepenuh hati ke arah kejayaan negara." -- lagi

15/08/19-42MST

R GB 15-08 00152 BH430

bah

Mahathir - Vokasional 2 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata setiap orang akan menjadi cekap jika sesuatu perkara itu dilakukan berulang-kali.

Katanya, itulah sebabnya beliau dan pekerja digalakkan menyertai seberapa banyak pertandingan kerana dari situ mereka berupaya meningkatkan minat dan kecekapan sebagai pekerja mahir sesuai dengan dasar negara memasuki era industri yang lebih canggih.

Terdahulu, dalam ucapannya Timbalan Menteri Kerjaraya Encik Kerk Choo Ting berkata ekonomi negara telah melepasi peringkat ekonomi bercorak pertanian dan juga sebagai ekonomi yang bergantung kepada "pengeluaran kos rendah" dan "industri-industri berasaskan buruh."

Kerk yang juga pengerusi Jawatankuasa Induk pertandingan itu berkata ini kerana kadar pendapatan pekerja-pekerja dalam industri berkenaan sekarang tidak dapat bersaing dengan "pengeluar-pengeluar kos rendah" seperti China, Vietnam dan Indonesia.

Justeru itu, tambahnya, ekonomi Malaysia telah bertukar arah kepada industri yang berintensifkan modal, berteknologi tinggi dan juga sektor perkhidmatan. -- Bernama.

ZAB SIA

15/08/19-46MST